

12 NOV 1996
Measat-Lancar
MEASAT-2 SEDIA UNTUK BERLEPAS

Oleh: Azman Ujang

KOUROU (French Guiana), 12 Nov (Bernama) -- Semuanya sudah bersiap sedia untuk pelancaran ke orbit Measat-2, kapal angkasa lepas dalam sistem Satelit Asia Timur Malaysia, yang dijadualkan pada 7.40 petang Rabu (6.40 pagi Khamis waktu Malaysia) dari Pusat Angkasa Lepas Kourou di sini.

Pengiraan terakhir sebelum berlepas itu, yang akan disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kira-kira 200 tetamu dari Malaysia, bermula 5 pagi Selasa dengan proses pengisian bahanapi hidrogen dan oksigen dalam alat pelonjak kapal pelancar, Ariane 4.

"Segala-galanya berjalan lancar," kata Charles Bigot, pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Arianespace, pelancar kapal angkasa lepas.

Seperti juga Measat-1, yang dilancarkan ke angkasa lepas pada Januari tahun ini di tempat yang sama, Measat-2 dimiliki kumpulan telekomunikasi Malaysia, Binariang Sdn Bhd.

Kedua-dua satelit, direkabentuk untuk perkhidmatan penyiaran dan komunikasi, dibina di Los Angeles oleh Hughes Space and Communications Company.

Pembinaan, pelaksanaan dan pelancaran kedua-dua satelit bernilai RM600.

Dr Mahathir singgah di sini dalam perjalanan ke Trinidad and Tobago di Caribbean.

Sementara itu, keadaan di Cayenne, 60km dari sini, pulih seperti sediakala selepas kekacauan pada Sabtu apabila pekerja dan pelajar mengadakan bantahan terhadap keadaan yang tidak memuaskan dalam sekolah-sekolah di tanah jajahan Perancis ini.

Perancis menghantar dua platun tentera untuk memulihkan keadaan tetapi mogok umum oleh penunjuk perasaan dijadualkan pada Rabu, tarikh pelancaran Measat-2.

Measat ialah sistem satelit kebangsaan pertama bagi Malaysia, menyediakan pelbagai perkhidmatan terus kepada pelanggan bukan sahaja dalam negeri tetapi juga ke rantau yang diliputinya.

Rantau yang dapat menerima perkhidmatan Measat ialah India, Singapura, Filipina, Thailand, Brunei, Indonesia, Vietnam, Kemboja, Laos, Myanmar, Taiwan, Hong Kong, selatan China, Australia dan Hawaii.

Di Malaysia, faedah yang dinikmati oleh pelanggan ialah 30 saluran perkhidmatan tv dan radio yang dilancarkan pada September lepas oleh Asia Television and Radio Company (Astro), milik Measat Broadcasting, sebuah daripada unit Binariang.

-- BERNAMA
AU CTL AHH